

SPA.S(KT)015/20/( 8 )

19 Mei 2005

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan  
Bahagian Sumber Manusia  
(Unit Paramedik dan Auksiliari)  
Jalan Cenderasari  
**50590 KUALA LUMPUR.**  
(u.p.: Encik Asari bin Samsuri)

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN SERAMAI 2107 ORANG PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U14 DAN U11 KE SKIM PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN GRED U17 DAN 2881 ORANG PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U14 DAN U11 KE SKIM PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U17**

Saya dengan hormatnya merujuk surat tuan bil(30)dlm.KKM-61(2413) bertarikh 11.5.2005 berhubung dengan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui opsyen seramai 2107 orang Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U14 dan U11 di **Lampiran A** ke Skim Perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17 dan seramai 2881 orang Pembantu Kesihatan Awam Gred U14 dan U11 di **Lampiran B** ke Perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 dan 5 Tahun 2005.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah membuat keputusan berikut:

- (i) mewakili kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen kepada pegawai;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai;
- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada 01.01.2005;
- (iv) mewakili kuasa kepada Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan untuk mengesahkan dalam perkhidmatan dalam perkhidmatan baru bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan mereka yang terdahulu; dan
- (v) pengesahan dalam perkhidmatan pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu kekal di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini, Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen seperti yang ada dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 dan 5 Tahun 2005 kepada semua pegawai berkenaan dan mengemukakan sesalinan dokumen tersebut kepada Suruhanjaya untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih.

**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**

Saya yang menurut perintah,

  
( **HAJI MD. MISRON BIN HAJI YUSOF** )

Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

*taw\_opppp&pka/yy\*\**